





# MENGENAI PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA - BERNAMA

- ❖ Pertubuhan Berita Nasional Malaysia atau ringkasnya BERNAMA, sebuah badan berkanun, ditubuhkan dibawah Akta Parlimen 1967 dan mula beroperasi pada Mei 1968.
- ❖ Peranan BERNAMA sebagai sumber berita yang terkini dan boleh dipercayai amat dikenali dikalangan media tempatan dan asing, agensi-agensi kerajaan, swasta, universiti dan individu di negara ini.
- ❖ Kebanyakan akhbar dan media elektronik di Malaysia dan agensi-agensi berita asing adalah pelanggan-pelanggan BERNAMA. BERNAMA beroperasi dalam industri maklumat yang bukan sahaja berdaya saing tetapi juga berpotensi besar untuk berkembang.
- ❖ BERNAMA sentiasa menjalankan penyelidikan bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan-perkhidmatannya yang antara lain termasuk Perkhidmatan Maklumat Kewangan Tepat-Masa, berita tepat-masa, perkhidmatan perpustakaan (pangkalan data), penghantaran siaran akhbar/maklumat secara global dan pengurusan acara, foto dan audio visual.

BERNAMA MREM adalah sebuah perkhidmatan pengedaran siaran media bertaraf profesional oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia atau BERNAMA, iaitu pembekal terkemuka bagi kandungan berita kepada media tempatan dan antarabangsa.

## Maklumat mengenai BERNAMA MREM Malaysia-Global “Hubungan langsung anda dengan media”

Sepanjang tempoh hampir 25 tahun ini, sektor perniagaan, kerajaan dan syarikat multinasional telah bergantung kepada perkhidmatan perhubungan media BERNAMA MREM untuk mendapatkan produk dan usaha niaga mereka dipaparkan di dada akhbar dan disiarkan di radio dan televisyen. Rekod perkhidmatan yang cemerlang telah membantu BERNAMA MREM menampilkan diri sebagai sebuah sumber berita syarikat yang penting dan boleh dipercayai kepada media, dan merancang dalam menyampaikan nilai kepada pelanggan.

## CIRI-CIRI PERKHIDMATAN PENGEDARAN SIARAN MEDIA

### Serentak

Apabila BERNAMA MREM mengedarkan siaran media anda, semua akhbar utama, termasuk stesen radio dan televisyen di seluruh negara, menerima siaran media itu secara serentak.

### Perkhidmatan wayar

Pihak media menerima siaran media anda, di samping jempukan dan maklumat latar belakang, pada rangkaian yang sama ia menerima laporan berita BERNAMA. Ini memberi para editor akses secara langsung kepada pengumuman anda.

### Jangkauan

BERNAMA MREM boleh menghantar siaran media anda ke mana-mana destinasi dalam negeri dan di peringkat global dan dalam sebarang bahasa.

### Akses Global

Semua siaran media yang dihantar oleh BERNAMA MREM dipaparkan di laman web [mrem.bernama.com](http://mrem.bernama.com) bagi membolehkan rakan perniagaan, pelabur, pelanggan dan pekerja anda mengaksesnya secara mudah

## FAEDAH-FAEDAH KEPADA PENGGUNA BERNAMA MREM

### MUDAH

Anda hanya perlu menghantar satu salinan siaran media itu kepada BERNAMA MREM dan kami akan melakukan tindakan seterusnya: BERNAMA MREM mengedarkan siaran media itu berserta gambar kepada media, disusuli dengan penghantaran ulangan (jika perlu) dan memantau liputan media

### MENJIMATKAN KOS

BERNAMA MREM mengenakan bayaran langganan bagi perkhidmatannya, yang kadarnya nominal berbanding faedah yang anda terima daripada segi liputan media.

### BERJAYA

Perhubungan BERNAMA MREM dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) membantu siaran media itu dalam menarik perhatian akhbar dan liputan yang diperlukan oleh pelanggan.

# APA MREM TAWARKAN





### **PENGEDARAN SIARAN MEDIA TEMPATAN (MALAYSIA DAN SINGAPURA)**

Semua siaran media di draf oleh pelanggan dan diedarkan kepada media tempatan termasuk Sabah dan Sarawak. Pelbagai pakej ditawarkan. Pakej termasuk: -

- Penghantaran berulang bagi siaran media untuk mendapatkan liputan maksimum
- Pemantauan akhbar tempatan bagi keratan akhbar
- Nota kepada editor atau jemputan media diedarkan kepada pihak media secara percuma

(Nota: BERNAMA akan mengenakan bayaran nominal untuk mengedarkan gambar-gambar yang berkaitan dengan siaran media)



### **PERKHIDMATAN PENTERJEMAHAN**

Perkhidmatan penterjemahan disediakan bagi Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Malaysia, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Bagi siaran media dalam Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab, kos akan ditentukan berdasarkan artikel.

Untuk siaran media yang bukan dalam Bahasa Mandarin, Bahasa Malaysia, Bahasa Tamil, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris pula, harga diberikan tertakluk kepada semakan artikel/dokumen.

Tempoh pengembalian untuk penterjemahan siaran media mengambil masa minimum 48 jam (2 hari) - tertakluk kepada jumlah patah perkataan siaran media tersebut.

Berikut adalah beberapa aktiviti yang digariskan untuk pertimbangan anda:

- ✓ Pengedaran siaran media berteks lengkap kepada semua media
- ✓ Pengedaran gambar secara dalam talian
- ✓ Merangka Makluman Media/Jemputan Akhbar
- ✓ Pengedaran nota kepada editor/jemputan akhbar kepada semua media
- ✓ Menyelaraskan kehadiran media bagi persidangan media/pelancaran
- ✓ Menjalankan temubual dengan tokoh penting; BERNAMA akan dimaklumkan
- ✓ Menyediakan sokongan lengkap daripada Jabatan Pengarang, BERNAMA News Channel (BNC) , BERNAMA Radio dan Foto BERNAMA bagi acara-acara berkaitan
- ✓ Merangka laporan yang menonjolkan acara-acara sampingan
- ✓ Menyediakan satu ikon pada laman web BERNAMA, pautan kepada laman web pelanggan
- ✓ Petugas MREM akan hadir semasa persidangan media/pelancaran
- ✓ Memberi nasihat mengenai kandungan kit media
- ✓ Memantau dan mengumpulkan keratan akhbar daripada akhbar tempatan (Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia) dan laporan berita dalam talian



BERNAMA MREM menawarkan dua aspek penting dalam pengurusan acara:

#### Publisiti dan Promosi

- ✓ Mengadakan temubual eksklusif bagi menyediakan berita-berita positif kepada media
- ✓ Menyelaraskan publisiti sebelum, semasa dan selepas penganjuran acara berkenaan
- ✓ Perkhidmatan kami akan termasuk perkhidmatan Jabatan Pengarang/Foto dan liputan TV oleh BERNAMA News Channel (BNC) bagi semua acara yang dianjurkan oleh pelanggan
- ✓ Menyediakan gambar kepada semua media menerusi kemudahan sedia ada termasuk perkhidmatan dalam talian
- ✓ Satu ikon akan diwujudkan di laman web BERNAMA yang akan memuatkan acara-acara dan laporan berita berkaitan pelanggan
- ✓ Terdapat juga satu pautan kepada laman web pelanggan

#### Pengurusan Pusat Media

- ✓ Kami menawarkan khidmat nasihat kepada pelanggan mengenai langkah menubuhkan sebuah pusat media
- ✓ Kami merancang dan menyelaraskan kemudahan dan kemudahan telekomunikasi termasuk kemudahan dalam talian, pendaftaran media, pengumuman media dan akreditasi media
- ✓ Mengedarkan maklumat mengenai acara-acara kepada media
- ✓ Merangka peraturan dan garis panduan berhubung pengeluaran pas media
- ✓ Menyelaraskan pengeluaran pas media dan kit media
- ✓ Menyelaraskan temuramah akhbar sepanjang acara itu
- ✓ Menyelaraskan pergerakan petugas media semasa acara itu berlangsung
- ✓ Memantau dan mengumpulkan laporan BERNAMA dan keratan akhbar daripada akhbar-akhbar tempatan termasuk Sabah dan Sarawak.





**PENGURUSAN ACARA**

❖ **PUBLISITI DAN PROMOSI**



❖ **PENGURUSAN PUSAT MEDIA**



**PERKHIDMATAN  
PERHUBUNGAN MEDIA**



# PERKHIDMATAN ASIANET

AsiaNet merupakan sebuah konsortium 14 pertubuhan berita di rantau Asia-Pasifik yang ditubuhkan pada 1995 untuk mengedarkan siaran media kepada pertubuhan-pertubuhan media di rantau ini.




BERNAMA merupakan ahli Lembaga Pengarah Konsortium yang terkemuka yang terdiri daripada agensi-agensi berita utama dalam rantau Asia Pasifik. Kami bekerjasama dengan sekutu di luar negara bagi pengedaran siaran media di Amerika Syarikat, UK/Eropah, Timur Tengah, Kanada, Latin Amerika dan Afrika.

Perkhidmatan paling asas yang disediakan oleh AsiaNet adalah untuk menyebarkan media di pelbagai negara dengan versi terjemahan salinan asal pelanggan dalam gaya yang boleh diterima untuk penerbitan. Ini dapat mengatasi segala rintangan budaya dan bahasa dan menjamin beberapa berita utama harian yang boleh dipertimbangkan oleh media.

Secara ringkasnya, AsiaNet, melalui rakan kongsi berita utamanya, mengaturkan siaran media pelanggannya supaya diedarkan dalam teks penuh, tanpa disunting atau diterjemah apabila diperlukan. Ianya akan dihantar melalui Platform Operasi Internet AsiaNet ke lokasi dan senarai tertentu, yang mancapai gabungan berita am dan media khusus industri seperti yang diinginkan pelanggan.



## Ahli Gabungan AsiaNet :



-USA (PR Newswire USA)

-Europe (PR Newswire Europe)

-Canada (CNW Group)

-Germany (News Aktuell)

**PERKHIDMATAN  
ASIANET**

**5,000 OUTLET MEDIA DI  
RANTAU ASIA PASIFIK**

**Pertubuhan  
Berita  
Nasional  
MALAYSIA**

**Agensi Berita  
Xinhua  
(China)**

**Yonhap  
(Korea  
Selatan)**

**NCN  
(Hong Kong)**

**InfoQuest  
(Thailand)**

**Agensi Berita  
Vietnam**

**ANTARA  
(Indonesia)**

**AAP  
Information  
Services  
(Australia)**

**Agensi Berita  
Filipina**

**Pakistan  
Press  
International**

**New Zealand  
Press  
Association**

**Kyodo JBN  
(Jepun)**

**The Press  
Trust of India**

**United News  
of  
Bangladesh**

# HUBUNGI KAMI



Perhubungan Media dan Pengurusan Acara BERNAMA  
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia  
Tingkat 5 Wisma Bernama  
28 Jalan 1/65A  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur



Tel : 03-2694 1023/ 2694 1024



Fax: 03-2694 1021/ 2694 1022



<http://www.mrem.bernama.com/>



[mrem@bernama.com](mailto:mrem@bernama.com)  
[prwire1@yahoo.com.sg](mailto:prwire1@yahoo.com.sg)



@BERNAMAmremPR



@BERNAMAmremPR